



Headline: Usah panik berdepan scammer
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 5 October 2020

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 9



POLIS mengangkut anggota satu sindiket penipuan kewangan yang ditumpaskan tidak lama dahulu.

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Terdapat beberapa pe-
tua mengelakkan se-
tiap individu yang
mempunyai simpanan
dalam institusi kewangan
seperti bank, Kumpulan Wang
Simpanan Pekerja (KWSP)
dan sebagainya daripada
terpedaya dengan scammer
menawarkan pelaburan ti-
pu.

Pakar kewangan Islam
dan fintech, Muhamad Fah-
mi Mustafa berkata, semua
individu mesti ada konsep
Know Yourself (KYS) dan di
setiap institusi kewangan
menggunakan kaedah KYC
untuk mengesahkan identiti
dan kesesuaian seseorang
sebelum diterima sebagai
pelanggan.

"Sebagai individu kita
mesti ada konsep KYS. Kita
mesti tahu kedudukan ke-
uangan kita. Ini termasuk
jumlah pinjaman, baki duit
dalam bank, kad kredit, di
mana anda pergi dan se-
bagainya. Ketahui informasi
barang milik anda, con-
tonya kereta dan rumah.

"Dengan keadaan anda
yang selalu siap siaga, anda
tidak akan mudah cemas jika
berdepan scammer. Muat tu-
run aplikasi scam filter di
telefon anda. Aplikasi sepe-
rti *Truecaller* sangat penting
as first line of defence atau
pertahanan awal untuk

Usah panik berdepan scammer

Pakar beri tip elak jadi
mangsa penipuan kewangan

mengelakkan anda memu-
lakan komunikasi dengan
scammer.

"Aplikasi ini akan alert
atau siap siaga jika pemang-
gil adalah scammer. Meman-
dangkan golongan yang
menjadi scam adalah rata-
ratanya pesara, individu
sebagai anak pula sila bantu
muat turun aplikasi ini di
telefon ibu bapa anda. Anda
bukan selalu ada bersama
merek," katanya.

Selain itu, beliau yang juga
Perunding Kanan, Perban-
kan dan Kewangan Islam di
Silverlake Group iaitu pe-
nyedia teknologi kewangan
global dan penyelesaian eko-
nomi digital yang berpusat
di Kuala Lumpur menjelas-
kan perkara utama meng-
elakkan ditipu adalah jangan
sewang-wenangnyanya
memberikan maklumat pe-
ribadi.

Muhammad Fahmi berka-

ta, jangan memberikan
maklumat seperti nombor
MyKad, kad kredit dan debit
kad terutama nombor dibel-
akang kad (CVV) serta nom-
bor kod pengesahan tran-
saksi (TAC).

"Jika maklumat ini di-
minta, sila letak telefon
dan laksanakan mod blok
nombor itu. Apapun, selalu
bertanya kepada yang tahu.
Jika ada sesiapa menelefon
anda dan mendakwa dari
Polis Diraja Malaysia
(PDRM), Jabatan Pengang-
kutan Jalan (JPJ), Lembaga
Hasil Dalam Negeri
(LHDN), Bank Negara Ma-
laysia (BNM) dan seumpama-
nya, ambil masa dengan
menghentikan perbualan
dan periksa kepada pihak
yang tahu. Terangkan apa
yang anda alami dan
mungkin anda boleh blok
nombor itu kemudian.

"Pendaftaran perbankan

internet juga kerap digu-
nakan scammer sebagai alat
perangkap mangsanya.
Scammer selalunya ber-
komplot dengan orang da-
lam yang akan memberi
maklumat kepada scam-
mer. Maklumat ini kadang-
kala dijual kepada pihak ti-
dak bertanggungjawab.

"Satu daripada cara scam
yang paling mudah adalah
menyerang mereka yang be-
lum ada perbankan internet.
Dengan ketiadaan perban-
kan internet itu, sangat mu-
dah scammer untuk menyed-
ut duit anda dengan mem-
aksa anda mendaftar per-
bankan internet dan melaku-
kan apa sahaja arahan da-
ri scammer," katanya.

Tetapi beliau berkata, ke-
biasaan golongan berusia
kurang arif mengenai per-
bankan internet, jadi sebagai
penyelesaiannya individu
sebagai anak daftar untuk
ibu bapa mereka untuk
mengelakkan penipuan me-
nyasarkan golongan itu.

"Daftar perbankan inter-
net ibu bapa menggunakan
telefon anda iaitu selepas
persetujuan adik-beradik
supaya TAC dan apa saja
transaksi akan dihantar ke-
pada telefon anda. Paling
kurang anda boleh menapis
setiap transaksi sebelum ia
berlaku," katanya.

Petua lain dikongsi Mu-
hammad Fahmi ialah supaya
pemegang akaun perbankan
internet tidak segera klik
pautan yang dihantar ma-
na-mana pihak.



Jangan beri maklumat
seperti nombor MyKad,
kad kredit terutama
nombor CVV, TAC"

Muhamad Fahmi Mustafa

Menurutnya, ada individu
mungkin juga pernah me-
nerima e-mel daripada pi-
hak lain yang mendakwa da-
ri bank dan menyuruh me-
nukar kata laluan.

"Jangan klik! Jika anda ra-
gu-ragu dan ingin juga me-
nukar kata laluan, sila Goo-
gle bank anda dan klik
pautan dari Google. Selain
itu, jika tidak pasti mengenai
apa jua maklumat yang di-
beri, jangan sekali-kali

memercayainya.

"Scammer juga kerap me-
nawarkan keuntungan yang
terlampau tinggi. Percaya-
lah jika pelaburan itu men-
janjikan keuntungan yang
tinggi, semestinya ia adalah
scam. Selain itu elakkan ter-
babit dalam diskaun beran-
tai yang selalu diforward (di-
hantar) di media sosial se-
perti di Whatsapp dan Fa-
cebook (FB).

"Untuk maklumat diyaki-
ni, selalu melakukan rujukan
di laman portal seperti
ccid.rmp.gov.my/semakmu-
le dan scam.my. Di sini anda
boleh buat semakan sama
ada pemilik akaun atau
nombor telefon adalah tulen
atau scammers," katanya.

Beliau turut menasihati-
kan supaya mengelakkan pe-
laburan Bitcoin, aktiviti per-
niagaan tukar beli mata-
wang (forex) dalam talian
dan seumpamanya.

"Jika anda seorang mus-
lim, status forex dalam ta-
lian adalah haram, jadi elak-
kan. Manakala mereka yang
selalu promosikan Bitcoin
atau matawang kripto di
Malaysia, majoritinya adalah
scammers.

"Sekiranya masih serius
untuk melabur dalam ma-
tawang kripto, sila sediakan
diri anda dengan ilmu yang
berkaitan. Jika anda tidak
boleh beza konsep Bitcoin,
Cryptocurrency (mata wang
kripto) dan Blockchain, baik-
lah anda elakkan untuk
mencegah kerugian berpu-
tih mata," katanya.